

# Hari Koperasi SMK Labuan Beri Peluang Pelajar Berniaga



LABUAN – Koperasi SMK Labuan menyediakan murid-murid dengan peluang menimba pengalaman dalam bidang perniagaan.

Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah berkata, ini secara langsung juga dapat memberi impak kepada pembangunan sifat-sifat positif murid seperti rajin, jujur, bekerjasama dan komited terhadap tanggungjawab yang diberi.

Hari Koperasi Sekolah (HKS) merupakan salah satu daripada kriteria dalam penilaian Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2017.



Datuk Hj Noraini dan VIP melawat gerai-gerai jualan

Sempena HKS SMK Labuan 2017, pelbagai aktiviti dan pengisian diadakan seperti Coop Run 5km, Gerai Jualan (46 gerai), pameran pelbagai agensi, aktiviti Kitar Semula, Menderma Darah, Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak, Pertandingan Rekaan Poster Digital, Pertandingan Petanque, Pertandingan Karya Penulisan, Pertandingan Melukis, Pertandingan Karaoke, Ceramah Pendidikan Keusahawanan dan Lawatan Kemasyarakatan yang telah diadakan lebih awal pada minggu lepas.

*“Pihak sekolah komited dengan peranan koperasisekolah iaitu membantu membangunkan modal insan yang kompetitif serta berpotensi untukmemperkukuhkan bidang keusahawanan negara, “katanya.*

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) SMK Labuan 2017 yang diadakan di Dewan Mutiara, SMK Labuan, Ahad lalu.



### Program Kitar Semula Perbadanan Labuan

Program yang bermula seawal pukul 7 pagi itu dirasmikan oleh Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Sabah, Datuk Hajah Noraini Datuk Seri Panglima Haji Salleh.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Raisin Saidin dan Yang Dipertua PIBG SMK Labuan, Haji Md Yusof Haji Chuchu.

Hadir sama Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Labuan, Azmaniansyah Bachok, Pegawai Angkat SMK Labuan Mohd Nizam Yasim dan Pegawai Perhubungan Polis SMK Labuan, Ibu Pejabat Polis Daerah, WP Labuan, ASP Halimah Abdullah.



### Aktiviti penanaman pokok

Ismail menambah Koperasi SMK Labuan Berhad berazam untuk terus memberi sumbangan positif kepada sekolah amnya dan kepada murid-murid khasnya. Ini juga secara kolektifnya akan memberi sumbangan kepada kemajuan gerakan koperasi di peringkat nasional.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam pameran-pameran serta aktiviti kitar semula, yang merupakan aktiviti yang menyumbang kepada penyuburan sikap menghargai alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

“Semoga HKS kali ini berjalan dengan lancar dan jika ada rezeki, Koperasi SMK Labuan Berhad akan mendapat kedudukan yang sewajarnya dalam Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah 2017,” katanya.

Ismail juga merakamkan ucapan penghargaan kepada semua guru dan pelajar yang menjayakan Hari Koperasi SMK Labuan 2017.



Lawatan ke kedai koperasi SMKL Bhd

Sementara itu, Raisin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga SMK Labuan kerana berjaya melaksanakan Hari Koperasi Sekolah(HKS) SMK Labuan yang sangat meriah pada hari ini.

Beliau yakin ini terhasil daripada perancangan dan kerjasama yang begitu kuat dalam kalangan warga SMK Labuan iaitu guru-guru, staf, murid-murid dan dibantu oleh sokongan kuat PIBG, para ibubapa serta pelbagai pihak yang berkaitan.

Katanya, Koperasi SMK Labuan Berhad telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dari segi jualan, untung bersih dan sumbangan kepada aktiviti sekolah terutama 3 tahun kebelakangan ini.

Jualan pada 2015 sebanyak RM268,000, pada 2016 sebanyak RM261,000 dan pada 2017 sebanyak RM320,000. Untung bersih yang dicatatkan ialah RM38,000 pada 2015, RM65,000.00 pada 2016 dan RM42,000 pada 2017.

Ini membolehkan koperasi memberi sumbangan kepada aktiviti sekolah berjumlah antara RM10,000 hingga RM22,000 untuk tujuan Kebajikan Am, Pendidikan Pelajar, Sumbangan, Lawatan dan Tabung Modal Projek Usahawan.

Koperasi SMK Labuan Berhad tidak menggajikan pekerja tetap tetapi memberi peluang kepada murid-murid menjadi juru jual harian secara berjadual bergilir-gilir. Murid sesi pagi bertugas waktu petang, manakala murid sesi petang bertugas waktu pagi.

“Ini merupakan pendekatan yang baik dan kreatif untuk murid-murid. Selain daripada mendapat sedikit ganjaran daripada tugas yang dijalankan, yang lebih penting lagi ialah pengalaman yang diperolehi akan membina azam dan cita-cita mereka untuk menceburi bidang perniagaan pada masa depan,”katanya.



Hadirin dalam majlis perasmian